

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : Y.B TUAN HAJI HASBI BIN  
HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]****TARIKH : 17.3.2015****SOALAN :**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membina sekolah SK berpusat untuk menggantikan sekolah-sekolah di sepanjang Sungai Limbang yang dijangka kerap dilanda banjir akibat pemanasan global dan faktor-faktor cuaca yang lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk memperluaskan konsep Sekolah Berpusat termasuk di Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, bagi sekolah-sekolah yang terancam akibat bencana banjir seperti yang berlaku di sekitar Sungai Limbang, Kementerian sentiasa memberi bantuan dari aspek infrastruktur seperti kerja-kerja pembaikan, ubahsuai naiktaraf serta pembinaan bangunan gantian. Walau bagaimanapun, projek-projek infrastruktur tersebut dilaksanakan mengikut keperluan, keutamaan dan kemampuan kewangan negara.